PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM HAFAZAN DALAM KALANGAN PELAJAR MRSM NEGERI PERAK

NOOR FADILAH BINTI AMBO

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

(PENILAIAN PENDIDIKAN)

(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM HAFAZAN DALAM KALANGAN PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA NEGERI PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan Program Hafazan dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) berdasarkan model Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP). Kajian adalah berbentuk deskriptif yang melibatkan pelajar di tiga buah MRSM di Negeri Perak. Seramai 240 orang pelajar terlibat sebagai sampel kajian. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi iaitu di antara 0.815-0.833. Data yang diperoleh diproses secara statistik deskriptif, ujian -t dan ujian regresi berganda. Hasil analisis menunjukkan bahawa min objektif, perancangan, strategi dan kaedah serta tugasan dan aktiviti pengayaan adalah pada tahap sederhana. Sisihan piawai adalah tinggi dan menunjukkan perbezaan min yang besar antara kumpulan pelajar-pelajar dalam input dan proses. Manakala ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar MRSM Program Khas Pendidikan (PKP) dan bukan PKP dalam membuat perancangan sebelum dan selepas, tetapi perbezaan yang tidak signifikan semasa pelajar menghafaz. Hasil ujian regresi berganda menunjukkan bahawa keempat-empat peramal memberi sumbangan sebanyak 13.3 peratus dalam pelaksanaan program ini. Peramal utama yang memberi sumbangan paling besar adalah objektif pelajar dengan sumbangan sebanyak 6.8 peratus, diikuti perancangan 3.5 peratus, tugasan dan aktiviti pengayaan pelajar sebanyak 2.10 peratus dan strategi serta kaedah menghafaz pelajar sebanyak 0.90 peratus. Terdapat tiga cadangan utama yang merujuk kepada peranan pihak pengurusan serta pentadbir, guru dan pelajar yang perlu saling berkerjasama untuk menjayakan program ini. Implikasi kajian ini melibatkan kesediaan pelajar untuk mengetahui objektif mereka menghafaz surah dan bilangan ayat mengikut hari, minggu atau bulan serta perancangan yang dibuat sebelum, semasa dan selepas. Dicadangkan juga pelajar menggunakan alat bantu untuk menghafaz.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION 'HAFAZAN' PROGRAMME AMONG MARA JUNIOR SCIENCE COLLEGE STUDENT IN PERAK

ABSTRACT

This study aims to evaluate the implementation of the 'Program Hafazan'among Form 4 MARA Junior Science College (MJSC) students in Perak by Content, Input, Process and Product (CIPP) model according to the dimension of input, process and product only. This descriptive study consists of students at three colleges in the State of Perak. Using 240 students is the sample of the study. The reliability of the instrument is higher between 0.815-0.833. The data was analysed by descriptive statistic, t-test and regression testing. An analysis of the test results showed that the min of an objective, planning, strategies and methods, as well as assignment and enrichment activities are at a moderate level. The standard deviation is high and large showed a significant difference between groups of students in inputs and processes. While t-test showed that there were significant differences between students MJSC "Program Khas Pendidikan" (PKP) and MJSC non-PKP in planning before and after, but not significant difference during the students to memorize. The result of multiple regression showed that the four predictors (objective, plans, strategies and methods, as well as assignments and enrichment activities) had contributes as much as 13.3 percent in the implementation of this program. The main predictor that gave the greatest contribution is the objective of the students with a contribution of 6.8 percent, planning 3.5 percent, student assignments and enrichment activities by 10.2 percent and strategy and methods memorized the student contribute about 0.90 percent. There are three main recommendations which refer to the role of management and administrations, teacher and student that need to cooperate to ensure the success of this programme. The implications of this study involve the willingness of students to find out their objectives such as memorizing verses and the number of sentences that need to memorise whether daily, weekly or monthly and the planning before, during and after. Student are recommended using the tools to memorize.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xiv

SENARAI SINGKATAN xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Objektif Kajian 9

1.5 Persoalan Kajian 10

1.6 Kepentingan Kajian 11

1.7 Batasan Kajian 12

1.8 Kerangka Konseptual Kajian 14

1.9 Definisi Operasional 15

1.10 Rumusan 20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 21

2.2 Sejarah Permulaan Hafazan Al-Quran 22

2.3 Hubungan Proses Menghafaz Terhadap Pelaksanaan Program 24

2.4 Latar Belakang Hafiz Al-Quran Di Malaysia 28

2.5 Kelebihan Menghafaz Al-Quran 29

2.6 Kaedah-Kaedah Hafazan Yang Terkenal 34

2.7 Teori-Teori Pembelajaran dalam Islam 47

2.8 Teori Pembelajaran Edward L.Thorndike (1874-1949) 48

2.9 Teori Kaedah Pembelajaran Al-Quran 49

2.10 Rumusan 51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 52

3.2 Reka Bentuk Kajian 52

3.3 Populasi Dan Persampelan 53

3.4 Instrumen Kajian 55

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 62

3.6 Penganalisaan Data 62

3.7 Rumusan 64

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 65

4.2 Maklumat Demografi Responden 66

4.2.1 Jantina 67

4.2.2 Kategori MRSM 68

4.2.3 Khatam al-Quran 69

4.2.4 Bilangan Khatam al-Quran 70

4.2.5 Bilangan Kekerapan Khatam al-Quran Mengikut Jantina 72

4.2.6 Latarbelakang Sekolah Agama Sebelum Masuk MRSM 73

4.3 Interpretasi Tahap Pencapaian Berasaskan Min 72

4.3.1 Apakah tahap pencapaian objektif pelajar? 73

4.3.2 Apakah perancangan pelajar? 78

4.3.3 Apakah strategi dan kaedah pelajar? 82

4.3.4: Apakah tugasan dan aktiviti pengayaan pelajar? 84

4.3.5 Apakah impak pelaksanaan program terhadap pelajar? 88

4.3.6 Adakah terdapat perbezaan perancangan di antara pelajar MRSM Program Khas Pelajar dan bukan Program Khas Pelajar? 92

4.3.7 Adakah terdapat perbezaan strategi dan kaedah di antara pelajar lelaki dan perempuan? 95

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.8 Adakah terdapat sumbangan proses pelaksanaan program hafazan terhadap impak perlakuan pelajar? 96

4.4 Rumusan 101

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan 102

5.2 Rumusan Kajian 103

5.3 Perbincangan 106

5.3.1 Objektif 107

5.3.2 Perancangan 108

5.3.3 Strategi dan Kaedah 109

5.3.4 Tugasan dan Aktiviti Pengakayaan 110

5.3.5 Impak 107

5.3.6 Perbezaan Perancangan diantara Pelajar MRSM PKP dan Bukan PKP 111

5.3.7 Perbezaan Strategi dan Kaedah diantara Pelajar Lelaki dan Perempuan 112

5.3.8 Sumbangan Proses Pelaksanaan Program Hafazan terhadap Impak Perlakuan Pelajar 113

5.4 Cadangan 115

5.4.1 Peranan Pengurusan dan Pentadbir 115

5.4.2 Peranan Guru 117

5.4.3 Peranan Pelajar 120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Cadangan Lanjutan Kajian 121

5.5 Implikasi Kajian 123

5.6 Rumusan 124

RUJUKAN 125

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1:	Contoh Jadual Menghafaz Kaedah Huffaz	40
Jadual 3.1:	Hasil Ujian Kebolehpercayaan (Dimensi Input, Dimensi Proses dan Dimensi Produk)	57
Jadual 3.2:	Jenis Analisis Data	62
Jadual 4.1:	Taburan Pelajar Mengikut Jantina	65
Jadual 4.2:	Taburan Pelajar Mengikut MRSM	66
Jadual 4.3:	Taburan Pernah yang Pernah dan Tidak Pernah Khatam al-Quran	66
Jadual 4.4:	Taburan Pelajar Mengikut Bilangan Khatam al-Quran	67
Jadual 4.5:	Taburan Pelajar Mengikut Jantina Berdasarkan Bilangan Khatam al-Quran	68
Jadual 4.6:	Taburan Pelajar Mengikut Latar belakang Sekolah Agama Sebelum Memasuki MRSM	69
Jadual 4.7:	Taburan Pelajar MRSM Berdasarkan Latar Belakang Sekolah Agama Sebelum Memasuki MRSM	69
Jadual 4.8:	Skor Min dan Tahap Pencapaian	71
Jadual 4.9:	Interpretasi Sisihan Piawai	71
Jadual 4.10 (a):	Kebolehan Menghafaz Mengikut Sasaran Tempoh Yang Ditetapkan	72

Jadual 4.10 (b):	Hasil Analisis Kebolehan Menghafaz Surah as-Sajadah.	73
Jadual 4.10 (c):	Hasil Analisis Kebolehan Menghafaz Surah al-Insan.	74
Jadual 4.10 (d):	Tahap Pencapaian Objektif Pelajar	75
Jadual 4.11 (a):	Hasil Analisis Perancangan Sebelum Menghafaz	77
Jadual 4.11 (b):	Perancangan Semasa Menghafaz	78
Jadual 4.11 (c):	Perancangan Selepas Menghafaz	79
Jadual 4.11 (d):	Tahap Pencapaian Perancangan Pelajar	80
Jadual 4.12:	Hasil Analisis Strategi dan Kaedah pelajar	81
Jadual 4.13 (a):	Tugasan Semasa Latihan (sebagai Imam / Semasa di Dalam Kelas dll)	83
Jadual 4.13 (b):	Mendengar dan Menyemak Bacaan Rakan	84
Jadual 4.13 (c):	Memperdengarkan Bacaan Dihadapan Rakan	85
Jadual 4.13 (d):	Tugasan dan Aktiviti Pengkayaan Pelajar	86
Jadual 4.14 (a):	Bertingkahlaku Tatatertib	87
Jadual 4.14 (b):	Bertingkahlaku Tatasusila	88
Jadual 4.14 (c):	Bertingkahlaku Sopan	89
Jadual 4.14 (d):	Min Impak Pelaksanaan Keseluruhan	90

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 (a): Ujian-t bagi Pelajar MRSM PKP dan bukan PKP dalam membuat Perancangan Sebelum Menghafaz 91

Jadual 4.15 (b): Ujian-t bagi Pelajar MRSM PKP dan bukan PKP dalam membuat Perancangan Semasa Menghafaz 92

Jadual 4.15 (c): Ujian-t bagi Pelajar MRSM PKP dan bukan PKP dalam membuat Perancangan Selepas Menghafaz 92

Jadual 4.15 (d): Ujian-t bagi Pelajar MRSM PKP dan bukan PKP dalam membuat Perancangan Menghafaz Secara Keseluruhan 93

Jadual 4.16: Ujian-t bagi bagi Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan dalam Strategi dan Kaedah Menghafaz 94

Jadual 4.17: Analisis Varian 96

Jadual 4.18: Analisis Regresi Berganda (Stepwise) 96

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BPM	:	Bahagian Pendidikan Menengah
KBSM	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	:	Kementerian Pelajaran Malaysia
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	:	Maktab Rendah Sains MARA
MJSC	:	Mara Junior Science College
PAI	:	Pendidikan Agama Islam
PKP	:	Program Khas Pelajar
PMK	:	Purata Markah Keseluruhan
PNG	:	Purata Nilaian Gred
SMKA	:	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMAN	:	Sekolah Menengah Agama Negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian Penilaian Pelaksanaan Program Hafazan Ubahsuai Model Stufflebeam (1967) 14

Rajah 2.1: Rumusan Kaedah Menghafaz Berdasarkan Tinjauan Literatur 47

Rajah 4.1: Taburan Normal Pembolehubah bersandar IMPAK 95

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan latar belakang kajian serta pernyataan masalah berkaitan pelaksanaan program hafazan dalam kalangan pelajar MRSM di Negeri Perak. Umumnya, hafazan lebih sinonim dengan sekolah-sekolah tahfiz, pondok dan sekolah agama. Kini, Bahagian Pendidikan Menengah MARA mengorak langkah dengan menambah program hafazan dalam kurikulum MRSM. Ia adalah satu langkah yang baik untuk menghasilkan pelajar mukmin profesional yang seimbang dunia dan akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bab ini juga dibincangkan objektif kajian, persoalan kajian yang wujud, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual dan definisi istilah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) merupakan salah satu institusi pendidikan menengah kelolaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Penubuhan MRSM secara tidak langsung memperlengkapkan sekolah berasrama penuh sains Kementerian Pelajaran Malaysia. Sesi pengambilan pelajar adalah pelajar Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang memenuhi syarat-syarat kemasukan.

05-4506MRSM telah ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat Bil.20 tahun 1966 sebagai satu usaha untuk mencapai matlamat MARA dalam bidang latihan dan pendidikan.

MRSM didirikan untuk memberi kemudahan pelajaran di peringkat menengah dan pra universiti dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar Bumiputera yang mempunyai kebolehan mental yang tinggi. Pendidikan MRSM akan membiasakan pelajar dengan pendidikan berasaskan sains dan satu aspek kebudayaan Malaysia yang akan memupuk perkembangan jasmani, rohani dan intelektual yang berpanjangan serta melahirkan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang kritis, kreatif, sihat, luas dan mendalam di samping mempunyai semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi.

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehuhungan itu, sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan dan sambutan masyarakat Malaysia terhadap sekolah-sekolah tahfiz, MRSM telah menambah satu program dalam kurikulum MRSM iaitu Program Hafazan. Kewujudan program ini secara tidak langsung boleh membantu memenuhi kehendak ibu bapa yang mahukan anak mereka seimbang dalam sains dan teknologi serta boleh menghafaz al-Quran. Program ini juga dapat memenuhi keperluan pendidikan masa kini yang mementingkan pendidikan dunia dan akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Program ini adalah sebahagian program Ulul Albab kerana mempunyai matlamat dan konsep yang sama dalam melahirkan pelajar-pelajar yang memenuhi ciri-ciri Ulul Albab seperti quranik, ensiklopedik dan ijtihadik. Merujuk kepada modul MRSM Ulul Albab Kota Putra (2009) bahawa Ulul Albab bermaksud satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam Al Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya. Quranik pula merujuk mereka menghafaz 30 juzu' al Quran serta memahami berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar. Pelajar yang mempunyai ensiklopedik akan berpengetahuan dan kemahiran tinggi, menjadi tempat rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing. Manakala ijtihadik ialah pelajar yang berkeupayaan memberikan memberikan pandangan dalam penyelesaian umat, memaksimakan keupayaan otak dan minda, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ianya adalah bertepatan dengan objektif program ini yang ingin membudayakan al-Quran dalam kehidupan umumnya serta persekitaran sekolah khususnya kerana al-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Quran merupakan sumber ilmu teragung. Pelbagai kelebihan dan keistimewaan diberikan kepada mereka yang membaca, memahami dan mengkaji al-Quran terutama bagi mereka yang menghafaznya. Menghafaz al-Quran, jiwa akan menjadi tenang dan mampu membentuk diri menjadi seorang yang berdisiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bahagian Pendidikan Menengah MARA Bil: 5/2011 bertarikh 15 Jun 2011 telah memutuskan bahawa pelajar-pelajar muslim MRSM dikehendaki menghafal sekurang-kurangnya satu juzuk (juzuk 30) bagi pelajar Menengah Rendah dan empat surah pilihan (as-Sajadah, al-Insan, Yaasin dan al-Mulk) bagi pelajar Menengah Atas.

Untuk menjayakan program ini, pihak sekolah dibenarkan mengggunakan wang caruman sekiranya guru tambahan diperlukan untuk mentasmik (memperdengarkan hafazan) bacaan pelajar. Sehubungan itu, dapat disenaraikan objektif program di bawah:

i. Membentuk dan mendidik pelajar ke arah kecemerlangan dan kegemilangan.
ii. Mendekatkan diri pelajar dengan al-Quran bagi melahirkan pelajar pintar soleh.
iii. Mewujudkan suasana maktab yang sentiasa membudayakan al-Quran dalam kehidupan.

Sasaran adalah kepada semua pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima MRSM seluruh Malaysia. Kandungan silibus pula adalah seperti berikut:

Menengah Rendah adalah Juzuk yang ke 30

i. Tingkatan 1: Surah an-Nas hingga ad-Dhuha (Surah-surah lazim)
ii. Tingkatan 2: Surah al-Lail hingga al-Mutaffifin
iii. Tingkatan 3: Surah al-Infitar hingga an-Naba'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Menengah Atas pula merupakan surah-surah pilihan seperti:

i. Tingkatan 4: Surah as-Sajadah dan al-Insan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Tingkatan 5: Surah Yaasin dan al-Mulk

Mengikut pekeliling tersebut, masa menghafaz adalah tiga kali seminggu antara maghrib dan isyak. Namun ianya bergantung kepada MRSM masing-masing bagaimana program ini dilaksanakan. Justeru itu, kaedah pelaksanaan yang dicadangkan dalam program ini adalah seperti berikut:

i. Pelajar-pelajar dibahagikan mengikut kumpulan.

ii. Setiap ahli kumpulan terdiri daripada empat atau lima orang sahaja.

iii. Setiap kumpulan diketuai oleh seorang pelajar.

iv. Sekurang-kurangnya seorang guru mengikut giliran melakukan pengawasan semasa program hafazan dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Pelajar menghafaz menggunakan kaedah huffaz iaitu ulangan sebanyak 60 kali setiap keratan ayat.

Kaedah Huffaz yang dimaksudkan ialah guru memperdengarkan bacaan yang betul kepada pelajar sebelum pelajar memulakan hafazan atau pelajar memperdengarkan bacaan di hadapan guru terlebih dahulu sebelum memulakan hafazan bagi memastikan bacaan betul dan bertajwid. Pelajar akan mengulangi ayat/ keratan pertama sebanyak enam puluh kali (60 kali) ulangan. Lima kali ulangan pertama, pelajar hendaklah melihat Al-quran. Manakala ulangan keenam hingga kesepuluh pelajar dikehendaki menutup Al-quran. Begitulah seterusnya dengan ulangan lima kali tutup al-Quran. Jumlah semua ulangan buka dan tutup adalah enam puluh kali. Setelah selesai, hafaz ayat/ keratan kedua dengan menggunakan kaedah bilangan satu dan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan program ini baru diperkenalkan, ia menjadikan aktiviti pelajar dan beberapa orang guru yang berkaitan bertambah dalam sekolah daripada program ini. Pelajar perlu menyediakan dan membahagikan masa untuk menghafaz supaya aktiviti ko-kurikulum dan kurikulum seimbang. Begitu juga peranan dalam kalangan guru-guru. Mereka perlu memperuntukan waktu untuk mendengar ayat-ayat yang telah dihafaz oleh pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Hafazan memerlukan pelajar-pelajar memberikan sepenuh perhatian kerana mereka perlu membaca berulang kali. Setelah membuat pemerhatian dan temubual terhadap pelajar, penyelidik mendapati empat masalah secara umumnya yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam program ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan para pelajar sekolah tahfiz, mereka mempunyai kemahiran bacaan Al-quran yang baik sebelum menghafaz kerana mereka akan di uji dari segi bacaan al-Quran dalam temuduga sebelum memasuki sekolah tahfiz seperti yang dijalankan oleh Sekolah Menengah Imtiyaz Yayasan Terengganu. Walaubagaimanapun, penyelidik mendapati selepas ujian saringan bacaan Al-quran dijalankan hanya 47% pelajar sahaja yang fasih membaca Al-quran, 36% sederhana dan 17% tidak lancar dan belum menguasai cara membaca dengan bertajwid. Oleh itu, mereka memerlukan pembimbing untuk membaca dengan betul sebelum menghafaz al-Quran.

Manakala Abdul Rahman Bakri (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2013) mengatakan seorang kanak-kanak yang berusia 9 tahun dalam bahawa beliau akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengulangkaji hafazan Al-quran sebanyak tiga juzuk setiap hari kemudian mengatur masanya untuk bermain dan berehat. Ini berbeza dengan realiti yang berlaku dalam MRSM. Pelajar hanya mempunyai masa yang diperuntukkan antara maghrib dan isyak untuk menghafaz bukan untuk mengulangkaji apa yang telah dihafaz. Hasil temubual penyelidik dengan lima orang pelajar mendapati mereka tidak mengetahui kepentingan untuk menghafaz Al-quran. Ini menyebabkan mereka tidak seronok dan tidak merancang sebaik mungkin untuk menghafaz Al-quran.

Begitu juga dengan kesedian guru yang perlu diambil perhatian. Terdapat guru pemantau yang bertugas sekaligus bertindak sebagai pembimbing pelajar juga mempunyai bacaan yang lemah. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), Mufti Wilayah Persekutuan berkata bahawa antara kaedah mnghafaz al-Quran ialah wajib menghafaz dengan sheikh atau tuan guru untuk mendapatkan tashih bacaan yang sempurna sebagaimana yang dilakukan oleh tokoh-tokoh besar seperti Imam Hafas yang berguru dengan Imam'Asim. Sebarang khilaf akan dirujuk kepada gurunya sama ada dari sebutan atau makhrajnya. Pernyataan ini selari dengan pandangan Mohd Yakub Z. M.Y., dan Saidi M. (2008) yang mengatakan bahawa kegagalan membaca Al-quran dengan baik dan sempurna membawa kesan yang buruk terhadap individu muslim. Antara kesan buruk tersebut ialah tidak sah solat dan tidak sempurna ibadah-ibadah lain yang melibatkan bacaan al-Quran dan secara langsung seseorang itu tidak memuliakan Al-quran kerana melanggar hukum dan etika yang telah diatur dalam pembacaan Al-quran juga ditegaskan oleh Abdul Halim El-Muhammady (1991) bahawa membaca Al-quran dengan betul penting untuk menentukan ibadah yang dilakukan sah atau tidak sah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, jika hendak mencapai kemahiran membaca Al-quran dengan betul maka pelajar-pelajar perlu berterusan membaca dari semasa ke semasa. Waktu untuk membaca dan menghafaz juga perlu diambil kira samaada bersesuaian dan tidak mengganggu masa akademik yang telah ditetapkan. Para ulama menetapkan waktu yang paling baik untuk seseorang memulakan hafazan adalah pada waktu sahur atau sebelum waktu subuh atau selesai solat subuh. Sebahagian ulama pula berpendapat waktu menghafaz yang baik adalah selepas waktu asar. Berbeza dengan situasi sebenar MRSM. Dalam hal ini, penyelidik mendapati pelajar tidak mempunyai masa yang panjang untuk menghafaz dan memperdengarkan ayat atau surah hafazan mereka di hadapan guru. Hanya waktu yang diberikan antara maghrib dan isyak sahaja. Masalah ini sangat merumitkan kepada pelajar untuk menghafaz dengan terbeban aktiviti MRSM yang sedia ada sama ada aktiviti akademik ataupun bukan akademik seperti beriadah atau bersukan selepas waktu asar. Maka pihak pengurusan sekolah perlu menyediakan waktu untuk pelajar-pelajar tersebut membaca atau menghafal Al-quran. Guru-guru yang terlibat juga perlu terlatih dalam bacaan Al-quran dan mempunyai kemahiran membaca yang betul kerana mereka juga perlu mengenal pasti dan membetulkan bacaan pelajar. Demikian juga, kesediaan guru sama seperti pelajar tidak diambil kira sama ada mereka bersedia untuk mengajar atau mentasmik (mendengar ayat hafazan pelajar) kerana beban guru yang sedia ada di sekolah juga sudah jelas mempengaruhi kesediaan guru-guru.

Implikasi daripada situasi di atas, penyelidik terpanggil untuk menjalankan kajian ke atas program ini. Ternyata wujud jurang dan keunikan dalam program ini yang perlu dikaji kerana latar belakang pelajar yang berasaskan sains tulen dan matlamat utama sekolah yang berbeza dengan maahad tahfiz dalam program hafazan ini. Terdapat

lima aspek pelaksanaan yang akan dikaji iaitu aspek pertama ialah objektif pelajar semasa menghafaz dalam kebolehan menghafaz mengikut sasaran tempoh yang ditetapkan, kebolehan menghafaz surah as-Sajadah dan kebolehan menghafaz surah al-Insan. Manakala aspek kedua merupakan perancangan pelajar yang akan dikaji seperti sebelum, semasa dan selepas menghafaz. Aspek yang ketiga pula ialah strategi dan kaedah pelajar tersebut menghafaz dan mengekalkan ayat yang telah dihafaz. Aspek keempat pula tugasan dan aktiviti pengayaan seperti tugasan semasa latihan, mendengar dan menyemak bacaan rakan dan memperdengarkan bacaan di hadapan rakan dan aspek yang terakhir ialah impak program ini terhadap pelajar tersebut menjadi pelajar yang berdisiplin seperti bertingkah laku tatatertib, bertingkah laku tatasusila dan bertingkah laku sopan. Secara umumnya, matlamat kajian ini adalah untuk melihat keberhasilan pelaksanaan program ini terhadap pelajar-pelajar dengan menggunakan metod pendidikan agama Imam al-Ghazali iaitu memulakan dengan hafazan dan pemahaman (Abidin Ibn Rusn, 1998). Imam Ghazali juga menekankan model pengajaran dan pembelajaran dengan empat kaedah iaitu kaedah perbandingan, kaedah halaqah, kaedah petunjuk dan bimbingan serta kaedah dialog dan perbincangan. Penyelidik juga mengaitkan kajian ini dengan pendekatan teori pembelajaran Thorndike pada tahun 1874 hinggga tahun 1949 yang memperkenalkan ‘pembelajaran cuba jaya’ dan tiga hukum pembelajaran iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Sebanyak tujuh objektif kajian dikenalpasti berdasarkan pelaksanaan program hafazan yang boleh dinilai dan diukur dengan menggunakan instrumen khusus yang dibina oleh penyelidik. Berikut adalah objektif kajian yang berkaitan, iaitu untuk:

i. mengetahui pencapaian objektif pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

ii. mengetahui perancangan pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

iii. mengetahui strategi dan kaedah pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak**.**

iv. mengetahui tugasan dan aktiviti pengkayaan pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

v. mengetahui impak pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

vi. mengenal pasti perbezaan perancangan diantara pelajar MRSM PKP dan bukan PKP dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

vii. mengenal pasti perbezaan strategi dan kaedah diantara pelajar lelaki dan perempuan dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

viii. mengenal pasti sumbangan proses pelaksanaan program hafazan MRSM di Negeri Perak terhadap impak perlakuan pelajar.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan dibawah:

i. Apakah tahap pencapaian objektif pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

ii. Apakah perancangan pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Apakah strategi dan kaedah pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Apakah tugasan dan aktiviti pengayaan pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

v. Apakah impak pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

vi. Adakah terdapat perbezaan perancangan diantara pelajar MRSM PKP dan bukan PKP dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

vii. Adakah terdapat perbezaan strategi dan kaedah diantara pelajar lelaki dan perempuan dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak?

viii. Adakah terdapat sumbangan proses pelaksanaan program hafazan MRSM di Negeri Perak terhadap impak perlakuan pelajar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini signifikan dilaksanakan untuk kepentingan empat pihak. Kajian ini adalah untuk melihat kekuatan dan kelemahan pembolehubah-pembolehubah berdasarkan model KIPP iaitu dari dimensi input, proses dan produk. Ia sangat penting kepada beberapa pihak seperti yang dinyatakan berikut:

i. Bahagian Pendidikan Menengah MARA (BPM)

ii. Ketua Jabatan Sains Sosial

iii. Guru-guru MRSM dan

iv. Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumya, hasil kajian ini penting kepada pihak BPM kerana program ini adalah di bawah kelolaan pihak BPM. Oleh yang demikian, sudah pasti pihak BPM ingin mengetahui pelaksanaan program hafazan dari perspektif pelajar. Ini adalah kerana kajian ini mengukur dari aspek objektif, perancangan, strategi dan kaedah, tugasan dan aktiviti pengkayaan dan impak pelajar dalam pelaksanaan program hafazan di MRSM negeri Perak.

Aspek-aspek dalam kajian ini dapat membantu Ketua Jabatan Sains Sosial termasuk pihak guru-guru MARA dalam menilai semula pencapaian objektif pelajar, perancangan pelajar sebelum, semasa dan selepas menghafaz, strategi dan kaedah pelajar dalam menghafaz serta tugasan dan aktiviti pengkayaan pelajar yang digunakan adalah bersesuaian dengan pelajar-pelajar tersebut dan impak pelaksanaan program ini terhadap pelajar-pelajar disifatkan sebagai pintar soleh serta boleh membudayakan program ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala pada pihak pelajar, kajian ini dapat membantu mereka memperbaiki diri dari aspek pencapaian objektif, penilaian semula perancangan, strategi dan kaedah, tugasan dan aktiviti pengkayaan serta impak pelaksanaan program hafazan ini terhadap diri mereka.

1.7 BATASAN KAJIAN

Terdapat 48 buah MRSM di Malaysia yang majoritinya terletak di luar bandar atau pinggir bandar dan pendalaman Negeri. Menyedari kesulitan dari segi masa dan lokasi, maka pengkaji telah menetapkan tiga buah MRSM yang terletak di Negeri Perak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan menjadi sampel kajian iaitu MRSM Felda, MRSM Pasir Salak dan MRSM Taiping. Batasan kajian ini adalah menjurus dari perspektif pelajar Tingkatan 4 di tiga buah MRSM yang telah dinyatakan. Pelajar-pelajar Tingkatan 4 dipilih kerana mengambil kira pengalaman mereka selama dua tahun mengikuti program ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan tiga kriteria seperti berikut:

i. Latarbelakang pencapaian sekolah:

Pada pandangan penyelidik, ketiga-tiga sekolah ini mempunyai kesinambungan yang baik kerana terdapat MRSM yang mempunyai Program Khas Pendidikan atau dikenali sebagai MRSM PKP, juga terdapat MRSM yang pernah mencapai 100% A dalam beberapa mata pelajaran walaupun tidak keseluruhan mata pelajaran serta MRSM yang sederhana pencapaiannya di antara MRSM di Negeri Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Kepelbagaian latarbelakang pelajar:

Pelajar-pelajar daripada ketiga-tiga sekolah ini mempunyai pelbagai latarbelakang pendidikan dan aliran sekolah sebelum masuk ke MRSM tersebut seperti aliran agama dan sekolah menengah harian. Terdapat juga pelajar yang sangat cemerlang atau dikenali sebagai pelajar *cream of the cream* dari MRSM lain ditempatkan di MRSM PKP serta pelajar yang masuk disebabkan kuota anak Felda dan awam.

iii. Jarak antara sekolah

Ketiga-tiga MRSM ini mempunyai jarak yang agak dekat di antara satu sama lain. Perjalanan diantara MRSM ini memakan masa antara


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu hingga satu jam setengah daripada MRSM Felda yang mana tempat mengajar pengkaji. Oleh yang demikian, mungkin memudahkan penyelidik mentadbir instrumen itu sendiri atau boleh mewakilkan kepada guru MRSM Pasir Salak dan MRSM Taiping.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini menggunakan ubahsuai daripada model penilaian Stufflebeam.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian Penilaian Pelaksanaan Program Hafazan Ubahsuai Model Stufflebeam (1967)

Terdapat tiga peringkat dalam kajian pelaksanaan Program Hafazan di MRSM Negeri Perak ini iaitu peringkat input, peringkat proses menghafaz dan peringkat keputusan. Perkara yang akan dikaji semasa peringkat permulaan ialah objektif pelajar semasa menghafaz iaitu kebolehan menghafaz mereka mengikut sasaran tempoh dan kebolehan mereka menghafaz surah as-Sajadah dan surah al-Insan dalam satu sesi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala peringkat proses menghafaz seperti aspek perancangan akan mengkaji sebelum, semasa dan selepas menghafaz. Dari aspek strategi dan kaedah, perkara yang akan dikaji ialah bagaimana pelajar mengekalkan surah hafalan mereka serta kaedah yang digunakan. Aspek tugasan dan aktiviti pengkayaan pelajar pula mengkaji cara pelajar mengukuhkan surah hafazan mereka dan peringkat keputusan ialah impak akan mengkaji pelajar tersebut boleh menjadi seorang yang bertingkahlaku tatatertib, bertingkahlaku tatasusila dan bertingkahlaku sopan. Daripada rajah tersebut juga, dapat digambarkan bahawa dalam tugasan dan aktiviti, penyelidik akan menggunakan pendekatan teori pembelajaran Thorndike (1874-1949).

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan

Merujuk kepada Kamus Pelajar (2008), pelaksanaan bermaksud perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan, menjalankan) sesuatu manakala Kamus Dewan (2005) pula bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan rancangan (tugas dsb). Kesimpulannya, pelaksanaan membawa maksud hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas) dan sebagainya.

Berdasarkan definisi operasi dalam kajian ini adalah pelaksanaan program yang dimaksudkan adalah dari aspek pelajar-pelajar itu sendiri seperti dimensi input iaitu objektif pelajar dalam menghafaz yang hendak dicapai. Kemudian, dimensi yang kedua akan menilai proses yang memfokuskan perancangan, strategi dan kaedah pelajar menghafaz serta tugasan dan aktiviti pengkayaan pelajar dalam menghafaz dan akhir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekali dimensi produk yang menilai hasil pencapaian atau impak pencapaian pelajar selepas program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan program dalam kajian ini merujuk kepada proses membuat penilaian kendiri setiap pelajar yang mencakupi objektif, perancangan, strategi dan kaedah, aktiviti dan pengayaan serta impak program terhadap pelajar. Penilaian pelaksanaan program dilakukan dengan menggunakan instrumen Penilaian Pelaksanaan Program Hafazan dalam kalangan pelajar MRSM yang digubal sendiri oleh penyelidik menggunakan prosedur pembinaan instrumen iaitu Jadual Penentu Instrumen (JPI).

Hafazan

Hafazan berasal daripada perkataan *hafaz* yang bererti sudah masuk betul ingatan, dapat mengucapkan pelajaran (ayat al-Quran dan lain-lain) dengan ingatan semata-mata tanpa melihat buku, kitab dan sebagainya (Kamus Dewan, 2005). Maksud menghafaz pula ialah membaca atau mempelajari ayat suci berulangkali supaya ingat dalam ingatan. Hafaz juga dikenali hafal dalam Bahasa Melayu iaitu sudah benar-benar masuk dalam ingatan tanpa perlu melihat buku atau catatan. Dalam Bahasa Arab pula disebut sebagai *az-zakirah* (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2013). Menghafaz merupakan satu proses mental yang menekankan pengalaman yang bermakna, menyimpan dan mengeluarkan kembali pengalaman tersebut ketika diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Definisi operasi hafazan dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar dikehendaki menghafaz surah-surah tertentu mengikut tingkatan dan akan memperdengarkan bacaan tersebut kepada guru pentasmik. Kebolehan itu akan dinilai berdasarkan kebolehan

menghafaz mengikut sasaran tempoh yang ditetapkan, kebolehan menghafaz surah as-Sajadah dan surah al-Insan dalam satu sesi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif

Objektif atau matlamat dalam menghafaz yang dimaksudkan adalah seperti mensasarkan tempoh untuk menghafaz, bilangan surah atau keratan yang boleh dihafaz dalam satu sesi dan jangkamasa untuk menghafaz samaada untuk surah panjang atau surah pendek. Objektif menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud 1) sesuatu yang khusus yang ingin dicapai, matlamat, tujuan; 2) berasaskan kenyataan atau fakta sebenar; 3) tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri; ujian.

Definisi operasi objektif pelajar dalam kajian ini pula merujuk kepada kebolehan menghafaz surah as-Sajadah dan al-Insan mengikut sasaran tempoh yang ditetapkan, kebolehan menghafaz surah as-Sajadah dan kebolehan menghafaz surah al-Insan.

Perancangan

Selain itu, seorang penghafaz al-Quran perlu ada perancangan sebelum, semasa dan selepas menghafaz al-Quran. Perancangan ialah menetapkan matlamat dan menentukan bagaimana untuk mencapai matlamat tersebut. Apabila membuat perancangan, seseorang itu telah membuat *blueprint* (merangkan tindakan) untuk tindakan yang diperlukan bagi merealisasikan matlamat (Kinicki & Williams, 2006).

Definisi operasi perancangan dalam kajian ini merujuk perancangan sebelum, semasa dan selepas menghafaz. Perancangan sebelum menghafaz seperti menggunakan

mushaf resam Uthmani, menyenaraikan bahagaian-bahagian yang hendak dihafaz, menyediakan jadual sebagai panduan dan rekod hafazan, mengualang ayat hafazan, melancarkan bacaan dan menetapkan tempat menghafaz. Manakala perancangan semasa adalah seperti merancang semasa menghafaz mengikut had bilangan ayat, mengikut halaman atau muka surat yang ditetapkan, menghafaz secara individu atau berkumpulan dan perancangan selepas adalah merekod ayat hafazan yang telah dihafaz, membuat ulangan sehingga lancer dan membetulkan bacaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Strategi dan Kaedah

Justeru untuk mencapai objektif, seseorang perlu mempunyai strategi dan kaedah. Strategi dan kaedah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah seperti menyertai ujian hafazan, menggunakan bahan bantu menghafaz, mengulang ayat hafazan semasa riadah, sebelum tidur, selepas subuh dan semasa dalam solat.

ustakaTBainun ptbupsi

Tugasan dan Aktiviti Pengayaan

Dalam dunia pendidikan, guru-guru perlu menyediakan tugasan atau aktiviti pengkayaan sebagai pengukuhan kepada seseorang pelajar itu. Begitu juga dalam menghafaz al-Quran. Pelajar perlu mempunyai tugasan dan aktiviti pengkayaan supaya hafalan mereka tidak hilang dan sentiasa diingati. Tugasan yang dimaksudkan dalam kajian ini seperti tugasan semasa latihan sama ada sebagai imam atau latihan dalam kelas, mendengar dan menyemak bacaan rakan dan memperdengarkan bacaan dihadapan rakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Impak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kamus Dewan (2005), Impak bermaksud kesan yang ketara. Manakala dalam model CIPP Stufflebeam et.al (1971), impak bermaksud hasil keseluruhan dari segi jangka masa panjang. Namun, berdasarkan definisi operasi impak pelaksanaan program dalam kajian ini merujuk kepada tingkahlaku pelajar seperti berikut:

i. **Bertingkahlaku tatatertib:**

   Tatatertib bermaksud pelajar tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang terdapat disekolah (Kamus Dewan, 2005). Dalam kajian ini, pelajar akan di nilai dari aspek ketepatan waktu masuk ke dalam kelas pembelajaran atau kelas prep dan menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru.

ii. **Bertingkahlaku tatasusila:**

   Tatasusila bermaksud pelajar tersebut beradat sopan santun dan mempunyai budi pekerti yang baik (Kamus Dewan, 2005). Dalam kajian pelajar akan di nilai dari segi sikap suka membantu dan menolong kepada mereka yang memerlukan bantuan.

iii. **Bertingkahlaku sopan:**

   Sopan bermaksud 1) baik budi bahasanya, baik perangai dan tingkahlakunya; 2) hormat dan takzim (Kamus pelajar, 2008). Dalam kajian ini, sopan yang akan dinilai seperti memberi salam kepada guru, bercakap lemah lembut, tidak ketawa terbahak-bahak dikhalayak ramai, bergurau kasar dengan rakan dan tidak suka mengganggu rakan-rakan yang sedang belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 RUMUSAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini telah menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan soalan kajian. Selain itu, signifikan kajian, batasan kajian serta kerangka konseptual kajian juga dibincangkan. Dalam bab ini, definisi istilah kajian juga dijelaskan seperti objektif pelajar dalam menghafaz, perancangan sebelum, semasa dan selepas, strategi dan kaedah pelajar menghafaz serta tugasan dan aktiviti pengayaan pelajar dalam menghafaz dan akhir sekali impak pencapaian pelajar semasa dan selepas program dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pelaksanaan program hafazan dan latar belakang seorang hafiz Al-quran. Selain itu, bab ini menghuraikan kelebihan menghafaz Al-quran dan kaedah-kaedah menghafaz yang lazim digunakan di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 SEJARAH PERMULAAN HAFAZAN AL-QURAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika kita amati, hafazan Al-quran sudah bermula sejak Nabi Muhammad menerima wahyu pertama lagi. Kisahnya apabila Allah SWT memerintahkan Jibril AS untuk mengajarkan Al-quran kepada baginda SAW. Ketika itu, baginda berusia 40 tahun. Ayat pertama yang dibaca adalah iqra' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibril AS dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan.

Kemahiran hafazan ini tidak tamat pada zaman riwayat Rasulullullah SAW. Ianya telah diteruskan pada zaman para sahabat yang telah hidup sezaman dengan baginda. Sehubungan itu, para sahabat mempunyai banyak kelebihan menghafaz Al-quran kerana mereka adalah orang yang paling hampir dan rapat dengan baginda SAW.

ptbupsi

Rasulullah SAW akan menyampaikan ayat Al-quran tersebut secara langsung kepada para sahabat pada setiap kali menerima wahyu. Para sahabat pula akan membaca dan menghafaz dengan bersungguh-sungguh kerana menyahut seruan Allah SWT yang menggalakkan hambaNya memperbanyakan membaca Al-quran dan menambah pahala bagi sesiapa yang menghafaznya.

Selepas Rasulullah SAW wafat, para sahabat telah mengambil tanggungjawab dan peranan sebagai guru kepada para tabiin. Istilah tabiin ini adalah merujuk kepada generasi yang sempat bertemu dengan sahabat Rasulullah SAW serta memeluk agama Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Generasi tabiin ini banyak menuntut ilmu daripada para sahabat secara talaqqi. Secara tidak langsung, golongan tabiin menerima asuhan dan didikan daripada Rasulullah SAW.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa seterusnya, anak-anak orang Islam telah pandai menulis dan membaca. Pembelajaran secara hafazan dilakukan dengan guru membaca ayat-ayat Al-quran kepada pelajar dan pelajar menulisnya di atas papan batu.

Setelah itu, guru akan melihat tulisan pelajaranya dan membetulkan jika ada kesalahan. Seterusnya, guru membacakannya sekali lagi diikuti dengan pelajar, kemudian pelajar akan pergi ke tempat lain dan membacanya sehingga hafaz. Apabila pelajar telah menghafaz ayat-ayat tersebut dengan fasih, pelajar akan datang semula kepada guru dan membaca di depan guru iaitu *tasmi'*. Jika ada kesalahan pada bacaan tersebut, guru akan membetulkannya dan jika tiada kesalahan, maka ayat-ayat itu akan dipadam dan ditulis ayat baru untuk dihafaz.

Cara hafazan Al-quran pada peringkat ini ialah ayat-ayat pendek diajar dan diulangi berkali-kali bersama guru hingga terlekat dalam ingatan mereka. Murid diajar tanpa diberi penjelasan tentang maksud ayat-ayat dan kadang-kadang diberi sedikit sebanyak pengertian dan huraiannya demi untuk menambahkan lagi keberkatan dan benih-benih keislaman, ketaqwaan dan keikhlasan di jiwa kanak-kanak kerana pada peringkat tersebut merupakan peringkat paling sesuai untuk mengingati sesuatu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Corak dan pembelajaran Al-quran pada zaman ini tidak jauh bezanya dengan apa yang diamalkan dan diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabatnya. Apa yang membezakan adalah penggunaan alat tulis yang lebih moden seperti *lauh* atau papan batu. Malah era zaman ini, wujud kesedaran mengenai kepentingan penghafazan Al-quran menyebabkan pembelajaran dan pengajaran guru lebih efektif.

2.3 HUBUNGAN PROSES MENGHAFAZ DENGAN PELAKSANAAN PROGRAM

Bacaan Al-quran secara berulangkali mendidik pelajar dalam berdisiplin dalam merancang, melaksanakan rutin kehidupan kendiri dan pergaulan dengan rakan sebaya serta warga sekolah dengan lebih berhemah dan harmoni. Mahyudin A., (2001) bahawa Al-quran boleh menjana kemampuan untuk berfikir dan membina potensi berfikir. Dalam kajian beliau mendapati Muhammad al-Ghazali sangat menekankan hukum-hukum tajwid dan makhraj huruf dalam proses membaca dan menghafaz Al-quran. Perkara ini yang sangat diperlukan dalam pelaksanaan program hafazan agar memperolehi impak yang baik dan berkekalan.

Dalam menghafaz, pelajar juga perlu menetapkan objektif dan mempunyai pengurusan masa yang baik. Berpandukan objektif dan pengurusan masa yang baik boleh memberikan motivasi kepada pelajar dalam pembelajaran sebagaimana yang ditekankan oleh Rita O' D., (2005-2006). Objektif perlu memenuhi ciri-ciri *SMART* iaitu ***Specific***,

Measurable *or Observable,* ***Attainable*** *for target audience within scheduled time and specified conditions,* ***Relevant*** *and results-oriented,* ***Targeted*** *to the learner and to the desired level of learning* (Teacher & Educational Development, University of New Mexico School of Medicine, 2005).

Kejayaan dalam sesebuah pelaksanaan program juga bermula daripada perancangan yang baik. Ini disokong oleh Jeffrey, Katherine, John dan Ellizabeth (2007), bahawa perancangan sangat penting untuk memastikan sesebuah pelaksanaan projek itu berjaya. Mengikut Charu Pelnekar (2011), perancangan adalah satu proses boleh mengenal pasti objektif sesebuah program.

Merujuk kajian Abdul Hafiz, Hussin, Azmi, Sulaiman, Kamarul dan Abdul Basit (2005) bahawa terdapat perbezaan yang wujud antara dua jenis pelaksanaan program hafazan Institusi Tahfiz cara moden dan tradisional di Malaysia (dalam kajian Abdul Hafiz, 2003) iaitu:

i. Pendidikan

Pendidikan tahfiz cara moden biasanya dikendalikan oleh pihak Kerajaan Pusat atau Negeri, seperti Darul Quran yang diuruskan oleh JAKIM, Jabatan Perdana Menteri. Pusat Tahfiz yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri seperti MARSAH oleh Kerajaan Johor dan Pusat Tahfiz Al-quran Wa al-Qiraat oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Manakala Pusat Tahfiz cara tradisional pula ditubuh dan dikendalikan oleh individu atau pihak swasta seperti Institut Al-Quran Kuala Lumpur dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ma'ahad Tahfiz Al-quran Kubang Bujuk yang juga menjadi lokasi kajian penulis.

ii. Bangunan

Kebanyakan bangunan Institusi Tahfiz dibina pada tempat yang tidak tetap, samada bangunan yang dimiliki sendiri, disewa atau yang diwakafkan. Kebanyakkan bangunannya separuh kekal, malah ada yang telah uzur.

iii. Lokasi

Lokasi Pusat Tahfiz Kerajaan keseluruhannya terletak dalam kawasan bandar yang terdedah kepada suasana bising dan sibuk. Bagaimana pun kedudukan begini mudah dari segi perhubungan dan mendapatkan keperluan. Sementara Pusat Tahfiz Swasta pula kebanyakan terletak di kawasan kampung atau pendalaman. Ini menyebabkan ia jarang dikunjungi oleh orang luar. Pelajar juga sukar untuk pulang ke rumah masing-masing kecuali pada masa-masa yang tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Perhubungan

Kemudahan perhubungan di Pusat-Pusat Tahfiz kerajaan adalah melalui telefon dan fax. Ini jarang-jarang dimiliki oleh Pusat Tahfiz Swasta yang terletak di kawasan pendalaman.

v. Pentadbiran dan Pengurusan Kewangan

Struktur pentadbiran dan pengurusan kewangan Pusat Tahfiz Kerajaan dikendalikan oleh Lembaga atau sebuah Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kemajuan dan prestasi pusat tersebut. Kuasa mentadbir dipertanggungjawabkan kepada Mudir atau Pengetua yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilantik secara fortfolio yang ditugaskan. Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada pegawai kerajaan di peringkat pusat dan negeri. 70% daripadanya adalah dari agensi agama. Segala perbelanjaan Pusat Tahfiz Kerajaan seperti gaji guru, elaun, bayaran bil utility dan sebagainya ditanggung oleh kerajaan melalui Tabung Zakat atau Baitul Mal Negeri.

Begitu juga strategi dan teknik pembelajaran boleh membantu pelajar menggunakan masa, sumber dan potensi akademik dengan efektif, pembelajaran lebih mudah dan akan merasakan kerja dan usaha yang dilakukan sangat bernilai begitu juga dalam proses menghafaz Al-quran. Teknik pembacaan yang betul memerlukan strategi yang sesuai dengan kaedah pembacaan yang telah ditentukan. Walaubagaimanapun, kajian ini lebih memfokuskan pelaksanakan program hafazan yang dijalankan di MRSM sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian John, Katherine, Elizabeth, John, Mitchell dan Daniel (2013) mendapati bahawa penggunaan alat dalam pembelajaran dapat membantu pelajar meningkatkan kognitif dan psikologi pendidikan pelajar.

Mereka juga mendapati persekitaran pembelajaran adalah amat penting dalam melaksanakan teknik-teknik pembelajaran dengan menggunakan alat bantu belajar, namun dalam konteks kajian ini ialah alat bantu menghafaz. Teknik-teknik tersebut adalah seperti *elaborative interrogation, self-explanation, summarization, highlighting (or underlining), the keyword mnemonic, imagery use for text learning, rereading, practice testing, distributed practice, and interleaved practice*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, dapatan Judy dan Michael (2006) sangat menyokong aktiviti pengkayaan boleh membantu pelajar sukses dalam sesebuah pembelajaran. Manakala dapatan kajian daripada Shula dan Herbert (1997), mendapati pembelajaran kooperatif boleh mewujudkan impak yang positif kepada pelajar.

2.4 LATARBELAKANG HAFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA

Hafiz merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa arab *hafaz* (rujuk definisi istilah dalam Bab 1). *Hafiz* yang dimaksudkan ialah orang yang menghafaz al-Quran. Namun demikian, seseorang itu akan bergelar seorang *al-hafiz* jika memenuhi syarat iaitu telah menghafaz sebanyak 30 juzuk sebagai satu penghormatan kerana telah menghafaz al-Quran Ini merujuk perspektif *al-hafiz* di Malaysia. Jika menurut definisi sebahagian ulama' pula, *al-hafiz* itu bukan sahaja telah menghafaz 30 juzuk tetapi juga seratus ribu hadis dengan matan dan sanadnya serta mengikut keperluan-keperluannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi peranan, *al-hafiz* lebih kepada usaha mempelajari Al-quran dalam bentuk pembacaan yang baik, menghafaznya serta memahami maknanya. Lebih jauh al-hafiz akan menguasai ilmu qiraat (jenis atau gaya baca) dan tafsir Al-quran seperti asbabul nuzul (sebab-sebab penurunan ayat). Selain berperanan mengembangkan pelajaran Al-quran, tahap pemahaman dan pengusaan Al-quran di kalangan masyarakat generasi demi generasi, al-hafiz juga dianggap sebagai orang yang bertanggung jawab memelihara kesucian Al-quran dengan mengesan salah cetak, kesilapan susunan hinggalah kepada mematahkan usaha-usaha musuh Islam dalam mencemar dan memalsukan Al-quran (lihat

http://www.anugerahquran.com). Namun dalam konteks program hafazan MRSM se-
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Malaysia ini bukan menjadi matlamat utama supaya pelajar itu menjadi seorang hafiz kerana mereka tidak menghafaz 30 juzuk tetapi juzuk yang ke 30 dan hanya surah-surah pilihan sahaja. Secara umumnya, program ini bertujuan untuk menjadikan mereka seoarang pelajar yang bukan sahaja pintar tetapi soleh dalam amalan kehidupan mereka sekaligus program ini membolehkan mereka perolehi bekalan untuk menjadi professional tahfiz (PROFAZ) seperti program yang disediakan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Program ini menyediakan pelajar-pelajar dalam bidang profesional seperti kedoktoran dan kejuruteraan tetapi dalam masa yang sama bakal menjadi seoarang *hafiz* al-Quran. Hasil sorotan tinjauan kajian-kajian lepas Abdul Hafiz dan Norhanan (2010), Abdul Hafiz, Hussin, Azmi, Sulaiman, Kamarul, Abdul Basit (2005), dan Abdul Hafiz, Ajmain, Mohd Ismail, Azhar, Idris (2003) serta beberapa kajian lain yang berkaitan, penyelidik mendapati bahawa seorang yang hendak menghafaz Al-quran perlu ada objektif, perancangan, strategi dan kaedah, tugasan dan aktiviti pengkayaan serta impak sesebuah program tersebut terhadap pelajar.

2.5 KELEBIHAN MENGHAFAZ AL-QURAN

Secara umumnya, kelebihan-kelebihan menghafaz Al-quran adalah seperti penghafaz Al-quran akan selalu dilindungi Allah s.w.t, menjadi umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
merasa takut pada hari kiamat dan doanya akan dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Mereka

bukan sahaja orang yang paling layak menjadi imam tetapi Allah s.w.t akan mempermudahkan urusan mereka serta dikurniakan nikmat kelebihan ilmu yang dikurniakan kepada para nabi dan kelebihan pada hari akhirat kelak untuk memberikan syafaat kepada 10 orang daripada ahli keluarganya (Ismail Masyhuri al-Hafiz, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Kelebihan Membaca Surah-surah Pilihan

Membaca al-Quran adalah sangat besar pahalanya apatahlagi mereka yang dapat menghafaznya. Berikut merupakan himpunan-himpunan hadis Rasulullah s.a.w yang menunjukkan kelebihan-kelebihan surah-surah yang dihafaz oleh pelajar-pelajar menengah atas seperti surah as-Sajadah, surah al-Insan, surah Yaasin dan surah al-Mulk. Hadis di bawah diperolehi daripada buku himpunan Amalan Surah-surah Pilihan: Fadhilat dan Khasiatnya yang diselenggara oleh Johari Alias (1997).

Hadis riwayat al-Bukhari daripada Abi Hurairah r.a berkata:

> *Adalah Nabi s.a.w membaca pada fajar (subuh) pada hari Jumaat (Alif Laam Mim Tanzil) as-Sajadah dan (Hal Ata Alal Insan) insan.*
> Dan diriwayatkan Imam Ahmad daripada Jabir (Johari Alias, 1997) berkata:
>
> *Adalah Nabi s.a.w tidak tidur hingga dibaca as-Sajadah dan al-Mulk.*

Manakala surah Yaasin adalah sangat banyak fadhilatya untuk mereka yang dapat membaca dan mengamalkannya. Antaranya seperti yang terdapat dalam hadis-hadis berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada Anas, Rasulululllah s.a.w bersabda:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap sesuatu ada hati dan hati al-Quran adalah Yaasin" dan sesiapa yang membaca Yaasin, maka Allah SWT tulis baginya sepertimana membaca al-Quran sepuluh kali.

Hadis riwayat al-Tarmizi (Johari Alias, 1997).

Daripada Abi Hurairah r.a, bersabda Rasulullah s.a.w:

Sesiapa yang membaca Yaasin pada waktu malam, maka akan diampun keesokannya. Dan sesiapa yang membaca "Haamim al-Dukhan" nescaya akan diampunkan baginya keesokannya.

Hadis riwayat Ibnu Kathir (Johari Alias, 1997).

Daripada Abdullah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda:

Sesiapa yang membaca Yaasin waktu malam untuk mendapat keredhaan Allah SWT, maka akan diberi keampunan baginya.

Hadis riwayat Ibnu Kathir (Johari Alias, 1997).

Daripada Ma'qil Ibni Yasar berkata:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Al-Baqarah adalah rangka. Al-Quran diturunkan setiap satu ayat dengan disertakan 80 malaikat dan ayat kursi khususnya diturunkan khas dari dibawah Arsy Allah yang tersusun didalam surah surrah al-Baqarah. Dan surah yaasin adalah jantung hati al-Quran.

Kemudian Ma'qil Ibni Yasar berkata lagi: Rasulullah s.a.w bersabda:

Bacalah Yaasin atas mereka yang meninggal dunia.

Hadis riwayat Ibnu Kathir Abu Daud dan an-Nasa'I (Johari Alias, 1997).

Sesetengah ulama' berkata tentang Yaasin bahawa antara keistimewaan surah Yaasin ialah apabila dibaca tidak ada kesulitan meainkan dimudahkan oleh Allah. Dan adalah bacaannya (Yaasin) ketika nazak, maka rahmat dan berkat turun dan dipermudahkan baginya roh keluar dengan nazaknya. Hadis riwayat Ibn Kathir (Johari Alias, 1997).

Daripada Ibnu Abbas r.a berkata: Nabi s.a.w telah bersabda:

Adalah saya suka kalau surah Yaasin dalam hati setiap insane daripada umatku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hadis riwayat Bazzar Ibnu Kathir (Johari Alias, 1997).

Daripada Safuan berkata: Adalah alim ulama berkata:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Apabila dibaca Yaasin keatas mayat, maka diringankan Allah baginya Sakaratulmaut.*
>
> Hadis riwayat Ahmad dan Ibn Kathir (Johari Alias, 1997).

2.5.2 Kepentingan Menghafaz Al-quran

Menurut Asraff Ayob al-Hafiz (2011) terdapat tujuh sebab mengapa kita perlu menghafaz Al-quran iaitu:

i. Melaksanakan sunnah Rasulullah
ii. Mengisi otak dengan makanan paling sempurna
iii. Membentuk manusia yang seimbang seperti Rasulullah
iv. Menjadi kerabat Allah *Ahlullah*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Membantu Allah mengekalkan Al-quran
vi. Kelebihan lebih dekat dengan tuhan dan
vii. Pembersih teragung hati

Sebagaimana yang kita tahu, Rasulullah s.a.w menerima wahyu tidak bertulis dan seorang yang ummi iaitu buta huruf. Justeru itu, cara baginda menerima wahyu ialah dengan menghafaz apa yang disampaikan oleh malaikat Jibril. Itu yang dinamakan jika kita menghafaz telah melaksanakan sunnah Rasulullah s.a.w. Ditambah lagi, ayat-ayat yang telah kita hafaz menjadi makanan otak kita yang paling sempurna. Didalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Tarmizi bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahsianya adalah tiada makanan istimewa atau petua ajaib yang mereka amalkan selain hafalan Al-quran. Kekuatan yang memberi inspirasi dan memberkati hidup mereka. Sejak kecil para ulama agung ini terdidik bagi menghafal Al-quran kerana ianya faktor penyebab fikiran mereka menjadi luar biasa cerdas. Bagi mereka, fungsi Al-quran lebih kurang sama seperti oksigen kerana tanpanya jiwa dan hati mati. Rasulullah berkata: "Sesungguhnya seseorang yang tiada Al-quran,diibaratkan rumah yang rosak dan kosong.

Hadis Riwayat Tarmizi (Johari Alias, 1997)

Jelas hadis diatas menunjukan bahawa orang yang menghafaz boleh menjadi luar biasa cerdasnya jika dapat mengahafaznya dan mengamalkan segala perintah yang diajar dalam Al-quran.

Menghafaz juga boleh membentuk manusia menjadi seimbang seperti Rasullah s.a.w. Baginda telah membuktikan model kejayaan berdasarkan formula Al-quran. Al-Quran telah meluruskan pemikiran dan peribadi. Melalui Al-quran kita mengaplikasikan formula yang sempurna. Ketika Aisyah ditanya, apakah akhlak Rasulullah? Beliau menjawab:

Akhlaknya adalah al-Quran.

Hadis riwayat Muslim (Johari Alias, 1997)

Rahsia formula teori pengajaran Al-quran sempurna adalah keupayaan Al-quran menggabungkan dengan baik unsur akal dan hati, usaha serta tawakal, iman dan amal serta zikir dan fikir. Kesannya apabila membaca Al-quran, fikiran merasa takjub dengan ketepatan fakta sementara hati tenang dengan zikir ayatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menghafaz Al-quran juga menjadikan kita sebagai kerabat Allah kerana melakukan amalan lain lebih daripada apa yang diwajibkan seperti solat, puasa, zakat dan haji bagi menunjukkan kesungguhan hendak ke syurga. Anas r.a berkata:

Rasulullah bersabda:

> *Sesungguhnya Allah memiliki kerabat dalam kalagan manusia. Sahabat bertanya, Siapakah mereka Ya Rasulullah?* Rasulullah menjawab: *mereka adalah ahli Al-quran, mereka kerabat Allah dan orang pilihan-Nya."*
>
> Hadis Riwayat Ibnu Majah (Johari Alias, 1997)

Manakala yang dimaksudkan dengan membantu Allah mengekalkan Al-quran ialah secara tidak langsung telah memelihara Al-quran. Ini yang diamalkan oleh rakyat Mesir. Bagi mereka gelaran *hafiz* bukan dimonopoli oleh golongan agamawan sahaja tetapi sesiapa pun boleh memilikinya. Seterusnya, mereka yang menghafaz al-Quran kehidupan lebih dekat dengan tuhan berikutan 6,236 ayat Allah yang tersimpan dalam fikiran, mendengar Allah berbicara pada bila-bila masa kerana setiap kali berhadapan masalah dan rintangan seolah-olah kita berdialog dengan Allah secara terus dan dekat dihati. Prestasi iman dan hati sentiasa stabil dan meningkat dengan menghafaz Al-quran dan secara tidak langsung sebagai pembersih teragung hati kerana ayat-ayat hafalan tersebut berfungsi sebagai sistem pencegah untuk mengelakkan terlibat sebarang maksiat dan dosa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 KAEDAH-KAEDAH HAFAZAN YANG TERKENAL

Penyelidik mendapati empat kaedah yang biasa digunapakai dalam institusi tahfiz atau maahad tahfiz di Malaysia atau penghafaz Al-quran seperti kaedah umum menghafaz,

kaedah sistem al-huffaz, kaedah menghafaz Jibril dan kaedah menghafaz Turki . Huraian dan cara bagaimana kaedah itu dilaksanakan akan diterangkan secara terperici dalam sub tajuk berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Kaedah Umum Menghafaz

Persediaan Sebelum Menghafal

Seseorang yang hendak menghafaz perlu membersihkan diri dari segala hadas, memakai wangi-wangian, bersugi atau memberus gigi, berwudhuk, memilih mushaf yang biasa digunakan seharian, memastikan tulisan mudah dibaca yang sebaiknya menggunakan mushaf rasm uthmani. Hafiz juga perlu memilih tempat yang sesuai untuk menghafaz Al-quran dan memilih waktu yang sesuai untuk menghafaz Al-quran. Waktu yang dicadangkan adalah selepas subuh, selepas maghrib. Mereka juga perlu memilih guru yang ingin diperdengarkan bacaan dan hafalan dan perbetulkan niat untuk menghafal Al Quran (http://www.alfurqanonline.net). Berikut akan dihuraikan kaedah menghafaz dan perkara yang perlu dilakukan selepas menghafaz.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Menghafaz

i. Tentukan had bilangan ayat atau muka surat yang hendak dihafaz.
ii. Bacalah ayat yang hendak dihafal. Pastikan bacaan tersebut betul dari segi tajwid dan sebutan.
iii. Ulang bacaan dengan disemak bacaan tersebut supaya tidak ada kesilapan setiap kali ianya diulang. Bilangan ulangan ayat yang dicadangkan adalah sebanyak 60 / 30 / 10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan lain-lain bersandarkan kepada kemampuan ingatan seseorang. Semakin banyak ayat diulang semakin mudah ianya dihafal dan kekal lebih lama dalam ingatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Sebaik sahaja selesai ulangan bacaan tersebut dan anda berpuashati dengan bacaan tersebut, mulakan dengan mengulang ayat yang pertama yang ingin dihafaz sehinggalah berjaya menghafaz ayat tersebut.

v. Kemudian berpidahlah ke ayat yang kedua. Ulang langkah yang sebelumnya sehingga selesai hafalan ayat yang ketiga.

vi. Ulang hafalan ayat satu kemudian diiukuti ayat yang kedua.

vii. Selepas anda yakin ayat satu dan dua telah dihafal dengan hafalan yang sempurna mulakan hafalan dengan diulang langkah yang digunakan pada ayat yang pertama dan ayat yang kedua. Kemudian susuli dengan urutan ayat satu dua dan tiga dihafaz serentak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

viii. Ayat yang berikutnya juga dilakukan langkah seperti ayat satu dua dan tiga sehinggalah sampai ke had yang telah ditetapkan (contoh: 1 ms / 1 ‘ain).

ix. Ulanglah keseluruhan hafalan sehinggalah benar-benar yakin hafalan tersebut sempurna.

x. Perdengarkan bacaan kepada guru atau kawan yang dipilih.

xi. Apabila ingin memulakan hafalan yang baru, ulang terlebih dahulu hafalan yang lalu, barulah dimulakan hafalan yang baru dengan cara yang sama pada hafalan yang lalu.

xii. Hafal setiap ayat dan alunkanlah ia dengan penuh tadabbur dan dengan penuh kesungguhan serta niat untuk memahami dan memelihara kalam Allah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah Selepas Menghafaz

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Berdoa agar dikurniakan keberkatan dalam hafalan (http://www.alfurqanonline.net).

Antara doa yang baik untuk dibaca bermaksud :

> *Ya Allah Rahmatilah kami dengan Al-quran, jadikanlah ia pemimpin, cahaya dan petunjuk dan rahmat bagi kami. Ya Allah ingatkanlah kami apa yang kami dilupakan, ajarilah kami apa tidak tahu dan berikanlah kami rezeki membacanya di sebelah malam dan di sebelah siang. Jadikanlah ianya hujjah bagi kami wahai Tuhan sekalian alam".*

ii. Pastikan Al-quran sentiasa dibaca dan diulang selalu. Pastikan setiap hari ada jadual mengulang dan jadual hafalan yang baru.

iii. Berusaha untuk memperbaiki bacaan, memahami makna, hukum dan hikmah yang terkandung di dalam setiap ayat.

iv. Berusaha untuk beramal dengan setiap perintah yang didatangkan dan berusaha menjauhi setiap larangan yang terkandung di dalam Al-quran.

Tabiat mereka yang ingin menghafaz al quran perlu sentiasa di dalam keadaan bersih dan suci. Sentiasa berjaga-jaga daripada termakan makanan atau minuman yang haram, begitu juga yang syubhat. Rajin bangun di waktu malam untuk berqiyamullail, membaca Al-quran dan menunaikan solat malam. Mengelakkan daripada melakukan perkara yang sia-sia sama ada dalam bentuk perbuatan atau percakapan serta menjauhi perkara yang dilarang oleh Allah sama ada dalam bertuk percakapan atau perbuatan. Menjaga tingkahlaku dan percakapan seharian. Rajin berpuasa sunat. Memastikan niat menghafal Al-quran sentiasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana Allah bukan kerana habuan dunia dan sebagainya dan menjaga hubungan baik dengan Allah dan manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Kaedah Sistem al-Huffaz

Pengasas

Kaedah sistematik membaca dan menghafaz Al-quran sistem al- Huffaz telah diasakan oleh Dr. Hj. Mohd Shafie Md Amin Al-Hafiz Phd, ACCA. Beliau berkelulusan: Sijil Tahfiz Al-Quran (Jabatan Perdana Menteri Malaysia), Sijil Usuluddin Pengajian Awam (UM, Kuala Lumpur), Diploma Usuluddin (UM, Kuala Lumpur) dan Association Chartered of Certified Account, London School of Accountancy, UK. (ACCA). (www.tvazhar.com). Berdasarkan kaedah ini, seorang hafiz itu perlu mempunyai persiapan menghafaz sebelum menghafaz seperti berikut:

Persiapan Menghafaz Al-Quran

i. Semangat yang kuat, memperbanyak-kan doa kepada Allah serta mendekatkan diri kepada Allah dengan memperbanyakan amalan baik dan menjauhi maksiat.

ii. Bagi ibu-bapa yang bersungguh-sungguh mendidik anak ke arah itu, kaedah hafazan ini sesuai untuk peringkat umur dari 5 tahun ke atas.

iii. Persiapan mental perlu ditanamkan di dalam jiwa kita akan keagungan Al-quran iaitu meyakinkan diri bahawa kita sedang melakukan sesuatu perbuatan atau amalan yang sangat mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Sikap Ihtimam (perhatian penuh) akan mendorong untuk istiqamah di dalam proses menghafaz walaupun menghadapi rintangan besar.

v. Pandai mengatur waktu. Sekiranya kepentingan al-quran telah termaktub di dalam jiwa kita, Insya'Allah kita akan dapat mengatur waktu walau bagaimana sibuk sekalipun.

vi. Tabah dan sabar menghadapi kesulitan menghafaz. Allah swt mengurniakan hikmah dan mewariskan kitabNya kepada hamba-hambaNya yang bersungguh-sungguh, yakin & sabar di dalam menghadapi rintangan-rintangan di dalam menghafaz Al-quran.

Firman Allah swt:

"Kemudian Kami wariskan kitab ini kepada hamba-hamba yang Kami pilih..."

(Al-quran, Surah al-Faathir: 32)

Kaedah dan Panduan Menghafaz

Berpandukan kaedah ini, seseorang yang hendak menghafaz perlu menyediakan jadual sebagai panduan dan catatan setiap surah yang hendak di hafaz seperti di bawah dan huraian setiap label adalah berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1: Contoh Jadual Menghafaz Kaedah Huffaz

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a dan b

NAMA SURAH: SURAH AL-IKHLAS											
TARIKH/ AYAT	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	: 60x
5/12/2012 - 1	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
6/12/2012 - 2	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
7/12/2012 - 1-2	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
8/12/2012 - 3	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
9/12/2012 - 1-3	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
10/12/2012 - 4	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
11/12/2012 - 1-4	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

c, d, e dan f

Contoh surah diatas adalah Surah al-Ikhlas yang mempunyai empat ayat.

a. Tarikh - Tarikh anda menghafaz ayat Surah al-Ikhlas. Sebagai contoh pada 5/12/2012 anda mencuba menghafaz Surah al-Ikhlas bermula dari ayat pertama.

b. Ayat - Nombor ayat Surah al-Ikhlas. Nombor 1 bermakna ayat pertama Surah al-Ikhlas. Nombor 2 bermakna ayat kedua Surah al-Ikhlas. Nombor 1-2 bermakna ayat pertama hingga kedua Surah al-Ikhlas. Nombor 3 bermakna ayat ketiga Surah al-Ikhlas. Nombor 1-3 bermakna ayat pertama hingga ketiga Surah al-Ikhlas. Begitulah seterusnya hingga nombor 1-4 iaitu ayat pertama hingga keempat Surah al-Ikhlas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

c. Kotak 1 hingga 60 - Anda dikehendaki membaca, mengulang atau menghafaz sebanyak 60 kali setiap satu ayat. Maknanya anda dikehendaki membaca, mengulang atau menghafaz ayat pertama (1) sebanyak 60 kali, ayat kedua (2) sebanyak 60 kali, ayat ketiga (3) sebanyak 60 kali. Begitulah seterusnya bagi ayat keempat (4) Surah al-Ikhlas 60 kali. Kaedah bacaan adalah dengan 5 kali buka dan 5 kali tutup sehingga jumlahnya 60 kali. Bacaan ayat-ayat sebaik-baiknya mengikut tajwid al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Bagi kumpulan ayat seperti ayat pertama hingga kedua (1-2), ayat pertama hingga ketiga (1-3) dan ayat pertama hingga keempat (1-4), anda dikehendaki membaca, mengulang atau menghafaz sebanyak 10 kali sahaja.

e. Anda dikehendaki menandakan (/) pada kotak-kotak kosong bagi ayat yang berkenaan setiap kali anda membaca, mengulang atau menghafaz setiap ayat atau kumpulan ayat tersebut.

f. Pembacaan, ulangan atau hafazan ayat al-Quran bergantung kepada keupayaan, jumlah masa yang mampu kita peruntukkan serta panjamg atau pendek ayat itu. Dalam contoh Surah al-Ikhlas di atas, sipolan bin sipolan memulakan pembacaan ayat pertama pada 5/10/2000 dan menamatkan hafazan ayat pertama hingga keempat pada 11/10/2000. Ia mengambil masa selama 7 hari untuk menghafaz Surah al-Ikhlas. Namun begitu kita digalakkan supaya beristiqamah dalam menjalankan sesuatu perkara kebaikan. Ulangan bacaan ayat walaupun sedikit tetapi dibuat setiap hari akan meningkatkan ingatan hafazan kita.

Berpandukan kaedah ini, ulangan sebanyak 60 kali pada pembacaan, ulangan atau hafazan adalah kerana menurut pengasasnya Ustaz Mohd. Shafie al-Hafiz mengatakan bahawa otak manusia boleh mengingati sesuatu maklumat secara kukuh dengan pembacaan, ulangan atau hafalan sebanyak 120 kali. Walaubagaimanapun, 60 kali pembacaan, ulangan atau hafalan sudah dikira memadai untuk diterima oleh otak manusia. Jikalau anda berupaya untuk membuat pembacaan, ulangan atau hafalan sebanyak 120 kali atupun lebih adalah satu kelebihan buat diri anda sendiri. Ianya bergantung kepada keupayaan diri masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pengasas kaedah ini lagi, beberapa pengajaran perlu diingat dalam menghafaz seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Menghafaz itu mudah. Kaedah yang betul, memudahkan lagi penghafazan Al-quran Firman Allah swt:

"Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan Al-quran untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran ?"

(Al-quran, Surah al-Qamar: 17)

ii. Istiqamah: melatih kita berkekalan (Istiqamah) di dalam amalan kebaikan walaupun sedikit. Tanda Istiqamah ialah kita berterusan di dalam amalan kita walau bagaimana susah sekalipun. Jikalau kita sanggup beristiqamah di dalam perkerjaan, kita tiada alasan tidak boleh beristiqamah di dalam menghafaz Al-quran yang mana menjanjikan kebaikan yang banyak.

an Tuanku Bainun Itan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Bersabar: melatih kita menghargai sesuatu benda yang sedikit, tidak tergopoh-gapah untuk mendapatkan sesuatu yakni menundukkan sifat keluh kesah, kerana konsep menghafaz Al-quran ini adalah biar sedikit asalkan dapat dipegang hafalan itu dengan kuat dan kukuh.

iv. Mengasah akal dan memberi kekuatan minda: melatih akal fikiran kita memberi tumpuan sepenuhnya kepada sesuatu subjek bagi menguasainya. Menghafaz Al-quran perlu kepada minda segar dan tumpuan yang tidak berbelah bahagi. Latihan seperti ini amat berharga kepada kita kerana ianya memberi kekuatan minda dan berupaya menguasai perkara-perkara lain dengan mudah dan cepat.

v. Menanamkan sifat rendah diri: menanamkan sifat merendah diri, kerana menyedari bahawa tanpa pertolongan Allah swt, kita tidak akan berjaya meletakan Al-quran di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam hati kita. Ini mengajar kita sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang dikurniakan, tidak takabbur di atas kelebihan yang diberikan oleh Allah swt kepada kita, samada dari segi kepandaian, kekayaan dan lain-lain.

vi. Melatih menghargai masa: aktiviti lagha (lalai) dapat dikurangkan manakala Al-quran yang dihafaz boleh dibaca pada bila-bila masa seperti di dalam kereta, waktu berjalan, berzikir dan lain-lain.

vii. Sifat kerisauan terhadap Al-quran: para penghafaz Al-quran akan merasa risau jika sekiranya Al-quran tidak diulang. Perasaan ini adalah merupakan satu rahmat yang besar yang dikurniakan oleh Allah swt kepadanya.

Beliau berpendapat bahawa sebab-sebab lupa adalah kerana hafazan baru yang tidak betul-betul mantap, bilangan ayat Al-quran yang dihafaz pada sesuatu masa terlalu banyak, tiada jadual mengulang hafazan yang sistematik dan melakukan maksiat.

2.6.3 Kaedah Jibril

Kaedah ini telah diasaskan oleh Asraf Ayob al-Hafiz (2011) yang merupakan teknik hafazan yang sesuai untuk golongan awam berdasarkan pengalaman beliau menghafaz Al-quran selama lebih 15 tahun. Kaedah Jibril dinamakan kerana bersempena nama malaikat pengantar wahyu iaitu malaikat Jibril. Nama malaikat Jibril digunakan sebagai konteks perlambangan supaya setiap kali menghafaz, masyarakat dapat mengenang kembali betapa istimewanya detik-detik Rasulullah menerima al-Quran daripada malaikat Jibril. Terdapat dua kaedah asas dalam kaedah ini iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Jibril 1: 3 baris sehari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik pertama dimulakan dengan menganggarkan ayat perlu dihafaz setiap hari. Menurut kaedah ini, sehari perlu menghafaz tiga ayat sahaja. Rasional dihadkan hafalan hingga tiga baris sahaja kerana:

i. Mampu dihafaz setiap hari.

ii. Mudah mendisiplinkan diri.

iii. Tidak mengambil masa yang lama untuk dihafaz.

iv. Hafalan mengikut baris memudahkan jumlah sasaran ayat dalam sebulan.

Kaedah Jibril 2: 30 minit sehari

Jangka masa 30 minit adalah waktu menghafaz yang seimbang antara keperluan dunia dan akhirat. Tempoh tidak terlau lama sehingga terlambat ke pejabat dan tidak terlalu singkat sehingga tidak mengingati apa-apa. Memperuntukan 30 minit setiap sehari sebagai waktu yang mencukupi bagi memindahkan tiga baris ayat ke dalam ingatan. Tiga proses selama 30 minit yang terkandung dalam kaedah ini adalah seperti berikut:

i. Proses 1: Proses pembiasaan 5 minit dengan membaca tiga baris sekilas pandang sebanyak 3 kali. Melihat tafsir dan makna tiga baris itu bagi memahaminya. Bahagikan setiap baris kepada potongan pendek bagi memudahkan hafalan dan sebelum mula menghafaz ulangi bacaan tersebut sebanyak dua kali sebagai persiapan terakhir.

ii. Proses 2: Hafalan dan penggabungan selama 15 minit. Hafal tiga baris itu mengikut bahagian yang sudah dibuat. Cara menghafaz setiap potongan tersebut adalah berdasarkan dua langkah ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(a) Baca setiap bahagian tiga kali secara melihat al-Quran kemudian tiga kali tanopa melihatnya.

(b) Selepas satu baris Berjaya dihafaz, baca baris itu tanpa melihat al-Quran, tanpa sangkut dan gagap sebelum beralih kepada baris yang seterusnya.

iii. Proses 3: 10 minit sebagai pengukuhan iaitu tempoh masa terakhir adalah waktu yang penting kerana menentukan hafalan kekal dalam fikiran ataupun hilang. Saranan untuk mengekalkan hafalan tersebut adalah dengan cara:

(a) Gabungkan hafalan setiap baris dengan yang lain.

(b) Apabila sudah berjaya dihafaz, beranikan diri bagi mencuba untuk menjadi imam dan jangan takut gagal.

Kaedah lanjutan 1: Ulang 3 kali sebelum, ketika dan selepas solat .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah lanjutan 2: serampang tiga mata merujuk kepada menghafaz selama 5 hari sahaja, jadikan hujung minggu sebagai hari mengulang dan empat muka al-Quran sebulan.

2.6.4 Kaedah Sistem Turki

Kaedah ini telah diperolehi oleh penyelidik daripada laman sesawang http://www.ustazamin.com. Penulis laman ini iaitu ustaz Amin telah melawat Madrasah Iqra' di Istanbul iaitu madrasah tempat para hafiz Turki dilahirkan. Beliau telah menemubual Hj. Ali iaitu Pengetua madrasah ini berkaitan kaedah yang digunakan di Turki. Menurut pengetua tersebut seorang pelajar akan menghafaz muka surat pertama dari juzuk satu, kemudian muka surat pertama dari juzuk dua, muka surat pertama dari juzuk tiga dan seterusnya hingga muka surat pertama juzuk tiga puluh. Kemudian mereka akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghafaz muka surat dua pula dari semua juzuk dan kemudian muka surat tiga dari setiap juzuk hingga semua bersambung. Kaedah ini akan menyebabkan pelajar itu merasa mereka sudah menghabiskan 30 juzuk Al-quran.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.5 Model Menghafaz

Tidak kira jenis kaedah apa yang digunakan dalam menghafaz Al-quran, ketiga-tiga elemen ini perlu ada dalam menghafaz Al-quran iaitu sebelum, semasa dan selepas. Elemen sebelum adalah merujuk kepada persiapan dan persediaan seseorang itu sebelum menghafaz manakala semasa ialah mengikut langkah-langkah kaedah yang mereka pilih samaada kaedah biasa atau kaedah umum menghafaz, kaedah sistem al-Huffaz, kaedah Jibril dan kaedah Turki dan elemen selepas adalah merupakan langkah yang mereka perlu lakukan agar hafalan tidak hilang dari ingatan. Ini bergantung kepada kaedah-kaedah yang telah mereka pilih dalam mengahafaz. Oleh yang demikian, hasil daripada tinjauan literatur ini penyelidik menyimpulkan kaedah menghafaz dalam bentuk model menghafaz adalah seperti Rajah 2.1:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1: Rumusan Kaedah Menghafaz Berdasarkan Tinjauan Literatur

2.7 TEORI-TEORI PEMBELAJARAN DALAM ISLAM

Teori dan model gaya pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam baru diperkenalkan walaupun telah wujud sejak Rasulullah s.a.w. menerima wahyu pertama. Teori dan model gaya pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan kaedah Rasulullah s.a.w yang bersumberkan Al-quran, sunnah dan tokoh-tokoh Islam yang terkemuka. Contoh-contoh sumber teori dan model gaya pembelajaran Pendidikan Islam adalah sebagaimana dinyatakan di bawah ini.

Daripada peristiwa di gua hira' ketika Al-quran mula-mula diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. jibril membaca terlebih dahulu bacaan dan didengari oleh nabi Muhammad. Kemudian nabi Muhammad s.a.w. disuruh oleh jibril mengikut dan mengulang semula bacaan tersebut sama seperti apa yang dibaca oleh jibril. Kaedah ini dinamakan kaedah talaqqi musyafahah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada kaedah talaqqi musyafahah, bacaan dengan lambat dan tenang, ayat-ayat Al-quran yang lain menghendaki umat Islam mengambil jalan yg memudahkan, adil, galakan, aktiviti akal dan menyoal semasa interaksi pembelajaran berlaku. Dalam pada itu semasa menyampaikan dakwah Rasulullah s.a.w. menggunakan cara-cara tertentu bagi memudahkan penyampaian ilmu kepada umat Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 TEORI PEMBELAJARAN EDWARD L.THORNDIKE (1874-1949)

E.L. Thorndike merupakan ahli behaviorisme pertama yang mengemukakan konsep pelaziman operan (*instrumental conditioning*). Merujuk Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor (2008) menyatakan bahawa dalam kajian Thorndike, beliau telah memperkenalkan ‘pembelajaran cuba jaya’ dan tiga hukum pembelajaran iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(a) Hukum kesediaan

Menurut Thorndike, kesediaan dapat dilihat dari tiga aspek yang utama iaitu kesediaan psikomotor, kesediaan afektif dan kesediaan kognitif. Apabila seseorang itu bersedia melakukan sesuatu tindakan (kesediaan kognitif), maka tindakan (kesediaan psikomotor) itu dapat member kepuasan (kesediaan afektif) kepadanya. Sekiranya tidak dapat melakukannya, dia akan menimbulkan perasaan dukacita dan kalau dipaksa melakukannya, dia akan menghasilkan pembelajaran yang tidak sempurna. Rumusannya, hukum kesediaan merujuk kepada kesediaan dan persiapan-persiapan yang perlu ada sebelum individu itu bertindak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Hukum latihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut teori ini, hukum latihan sangat sesuai digunakan bagi latihan hafalan. Dalam latihan hafalan, perkaitan antara ransangan dengan gerak balas (R-G) akan bertambah kukuh melalui latihan yang berulang-ulang. Seseorang itu akan menguasai kemahiran jika latihan diadakan berulang kali. Hukum latihan menyatakan bahawa satu tingkah laku akan diteguhkan melalui aplikasi dan akan dilemahkan tanpa pengukuhan.

(c) Hukum kesan

Setelah tingkahlaku diperlihatkan, diiikuti dengan kepuasan seperti mendapat pujian, ia akan diulang tetapi jika ia diikuti dengan kesakitan seperti ditampar, tingakah laku akan lenyap. Hukum kesan menyatakan bahawa jika sesuatu tindakan diikuti oleh sesuatu perubahan persekitaran yang menyeronokan, kebarangkalian tindakan itu berlaku akan meningkat dan begitu juga jika sebaliknya. Selepas gerak balas terhasil, pertalian antara ransangan dan gerak balas akan bertambah kukuh jika terdapat kesan yang menyeronokkan. Kesan yang menyakitkan akan melemahkan pertalian antara R-G.

2.9 TEORI KAEDAH PEMBELAJARAN AL-QURAN

Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Aderi Che Noh (2013) dalam Ishak (1985) dan Abdul Qadir (1998) mengemukakan berkaitan kaedah pengajaran bacaan Al-quran yang berkesan iaitu berdasarkan empat kaedah berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. *Al-Tahqiq*, iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh gapah yang bertujuan untuk mengajar dan menghayati kandungan dan hukum-hukum bacaan Al-quran.

ii. *Al-Tartil* iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh-gapah dan bukan untuk tujuan mengajar. Bacaan ini dilakukan untuk menghayati kandungan Al-quran.

iii. *Al-Tadwir* iaitu bacaan yang sederhana dan tidak terlalu cepat serta mengawasi hukum tajwid.

iv. *Al-Hadar* iaitu bacaan cepat serta mengawasi segala hukum tajwid.

Walau bagaimanapun kaedah pengajaran bacaan Tilawah Al-quran hendaklah memberi penekanan kepada kesalahan bacaan Al-quran (Abduk Qadir, 1998) yang terdiri dari kesalahan *lahnu jali* dan *lahnu khafi*.

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 RUMUSAN

Seseorang pelajar itu perlu tahu objektif setiap kali mereka menghafaz, perancangan semasa, sebelum dan selepas mereka menghafaz agar masa dapat diurus dengan lebih sistematik. Pelajar juga perlu mempunyai strategi dan kaedah serta aktiviti dan pengkayaan agar ayat atau surah yang telah dihafaz berkekalan dalam memori pelajar. Kaedah menghafaz Al-quran perlu bersesuaian dengan kaedah-kaedah yang digunakan oleh ulama-ulama hafiz yang terdahulu untuk mendapat hasil yang optimum. Walau apa pun kaedah yang digunakan dalam menghafaz Al-quran, kepentingan dan kelebihan tetap sama diperolehi oleh seseorang dalam menghafaz Al-quran. Kaedah juga bergantung kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

